

Dasar penswastaan akan diterus untuk kurangkan beban-PM

Laporan oleh Razak Rashid Ghows dan G. Shanti

KUALA LUMPUR 11 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kerajaan akan terus melaksanakan dasar penswastaan selagi ia mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan kerajaan.

Melalui langkah tersebut diharapkan saiz sektor awam dapat dikurangkan di samping menggalakkan kecekapan dan daya pengeluaran serta pertumbuhan ekonomi, katanya semasa menjawab soalan **Encik Karpal Singh (DAP-Jelutong)** di Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan tambahan **Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung)** kenapa Sports Toto diswastakan walhal ia masih mendatangkan keuntungan, Perdana Menteri menjelaskan ada kalanya kerajaan tidak terfikir untuk menswastakan sesuatu bidang tetapi pihak yang berminat mengemukakan cadangan.

Encik Lim bertanya: Kenapa Sports Toto yang diswastakan baru-baru ini tidak diserahkan kepada Majlis Sukan Negara untuk memandangkan untung tahun lalu sendiri mencapai \$30 juta dan masih menguntungkan kerajaan. Tegas Perdana Menteri, kerajaan tidak tergamak mengambil idea

penswastaan sesuatu bidang itu dari sesebuah pihak dan menyerahkannya kepada pihak lain kerana itu tidak adil langsung.

Beliau menambah, kerajaan tidak dapat menentukan semua bidang yang perlu diswastakan, ada bidang yang ditentukan lebih awal dan

diisytiharkan kepada umum supaya mereka yang berminat boleh mengemukakan cadangan dan merebut peluang itu. Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, kalau ada faedah daripada cadangan penswastaan sesuatu bidang itu, maka kerajaan akan melaksanakannya dengan mengambil keuntungan maksima yang boleh diterima oleh kerajaan dari segi

mengurangkan kos. Menjawab soalan tambahan, **Encik Lee Lam Thye (DAP-Bukit Bintang)**, kenapa dibenarkan keadaan monopoli dalam penswastaan Sistem Telekom Malaysia Bhd (STMB), beliau berkata, dalam menswastakan sesuatu perkhidmatan, kerajaan akan memastikan rakyat tidak akan tertekan akibat langkah itu. Katanya, kerajaan

memberi subsidi yang besar kepada pihak yang terlibat dalam projek penswastaan itu dengan harapan mereka akan berjaya menjalankan perniagaan itu. Walaupun, pemberian subsidi memberi kesan dari segi beban kepada kerajaan, tetapi langkah itu perlu ditafsirkan sebagai mendatangkan keuntungan kepada negara dari segi pembangunan sebaliknya, ujar beliau.